

Rakyat negara ini tidak akan kebulur — Mahathir

U.M. 19 DEC 1992

JITRA 18 Dis. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan tidak ada rakyat negara ini yang akan mati kebuluran seperti yang dialami oleh penduduk beberapa negara lain di dunia.

Menurutnya, suatu ketika dahulume mang timbul cerita kononnya rakyat di kawasan Baling mati kebuluran tetapi itu tidak benar.

"Ini tidak berlaku. Sekurang-kurangnya kalau ada yang kelaparan, jiran-jiran sebelah akan memberi sedekah," kata beliau.

Perdana Menteri berucap merasmikan Seminar Pegawai-Pegawai Masjid/ Jawatankuasa Qariah Peringkat Daerah Kubang Pasu di Masjid Al-Aala di sini semalam.

Seminar itu anjuran Jawatankuasa Seminar Peringkat

Daerah Kubang Pasu dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Menurut Perdana Menteri, negara ini mempunyai banyak makanan berbagai jenis dan berbagai rasa dan rakyat boleh menikmatinya dalam keadaan selesa tanpa gangguan sesiapa.

Berbeza

Keadaan ini, kata beliau, jauh berbeza dengan beberapa negara luar di mana rakyatnya mati kebuluran kerana tiada makanan di samping dilanda peperangan.

Beliau memberi contoh di Somalia, Sudan dan beberapa negara lain di Afrika di mana setiap hari ratusan rakyatnya mati kebuluran.

Katanya, yang bertahan hi-

dup pun hanya tinggal kulit dan tulang kerana tidak cukup makan dan makanan tidak berzat.

"Keadaan ini amatlah menyedihkan kerana dalam keadaan dunia yang mewah dan makanan berlebihan sehingga ada yang dibuang, masih ada yang mati kebuluran," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, salah satu punca perkara ini berlaku adalah kerana para pemimpin negara berkenaan suka bersengketa dan tidak dapat membangunkan negara dan rakyat dengan cekap.

Dalam hubungan ini beliau bangga kerana sekalipun Malaysia negara kecil dan tidak kaya seperti setengah negara lain, ia mampu memberikan bantuan kepada negara luar yang memerlukan.